

16 MAY 2000

Sukan-Bola Sepak (Bangunan)

SIMBOL BARU BOLA SEPAK ASIA AKAN DIRASMIKAN ESOK

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Bola sepak Asia akhirnya akan memenuhi impiannya esok apabila mercu tanda baru Persekutuan Bola Sepak Asia (AFC), bangunan ibu pejabat AFC, dirasmikan di Bukit Jalil di sini esok.

Bangunan AFC itu merupakan impian Sultan Ahmad Shah sejak beliau mengambil alih jawatan presiden badan serantau itu pada 13 Mei, 1995.

AFC mempunyai 44 negara anggota sebagai anggota gabungannya dan tiada tempat yang boleh dipanggil rumahnya sendiri sehingga Sultan Ahmad Shah mencadangkan untuk membina ibu pejabat AFC, dua tahun selepas menerajuiinya.

Wawasan presiden itu disokong oleh anggota gabungannya dan wawasan beliau mengambil langkah pertamanya apabila Kongres AFC secara sebulat suara meluluskan konsep itu pada 1996.

AFC kemudian memohon kepada kerajaan bagi sekeping tanah dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meluluskan permohonan itu.

Upacara pecah tanahnya diadakan pada 15 April, 1998, dan pembinaan bangunan berharga RM18juta itu bermula tidak lama kemudian. Bangunan itu diserahkan secara rasminya kepada AFC pada 7 April, tahun ini.

Terletak di tapak seluas 1.8 hektar berhampiran Kompleks Sukan Nasional di Bukit Jalil, pusat kemudahan sukan baru negara itu, Bangunan AFC akan dirasmikan pembukaannya oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah malam esok.

Majlis itu dijangka akan disiarkan secara langsung oleh RTM mulai pukul 8.30 malam.

Bangunan itu telah direka bentuk sesuai dengan peranannya yang serba moden dan canggih, yang mencerminkan keyakinan baru Asia untuk muncul di barisan hadapan hal ehwal dunia.

Ciri-ciri Asia digambarkan menerusi gabungan bahan bangunan tradisional yang didatangkan dari negara-negara Asia seperti pelapik batu, tingkap kayu, lantainya serta landskap air yang dibina di pintu masuk utama.

Reka bentuk seni binanya sengaja membahagikan bangunan itu kepada dua bahagian bersepadu -- sebuah bangunan tempat bekerja dan bangunan awam.

Bagi menimbulkan kesedaran umum mengenai fungsi dan peranan AFC dan perkembangan bola sepak Asia, bangunan itu mempunyai galeri utama yang menempatkan dewan pameran.

Kemudahan-kemudahan lain ialah pepustakaan yang akan dibangunkan menjadi pusat rujukan utama bagi bola sepak Asia, dewan serbaguna yang boleh memuatkan kira-kira 200 orang dan dilengkapi peralatan audio visual dan elektronik terkini.

Di luar bangunan itu ialah padang "futsal", sukan bola sepak lima sebelah, dengan padang lumba kuda berteknologi tinggi terkini bagi kejohanan mini dan sesi latihan.

Upacara perasmian bangunan itu akan diadakan sempena Kongres AFC yang akan diadakan keesokkan harinya.

Antara orang kenamaan yang akan menghadiri upacara itu esok ialah Dr Mahathir dan anggota Kabinet, presiden FIFA Datuk Sepp Blatter, presiden-presiden persekutuan lain, wakil-wakil dan anggota-anggota AFC dari Jerman, Afrika Selatan, Brazil, England dan anggota jawatankuasa penawaran Piala Dunia Moroco 2006.

-- BERNAMA

DC RHM